

## Lelaki diberkas kerana jual topeng muka melebihi harga kawalan

Astro Awani | Diterbitkan pada April 02, 2020 00:08 MYT



Kerajaan sebelum ini menetapkan harga siling topeng kepada RM2.00 seunit sebelum menyemak turun harga produk berkenaan kepada RM1.50 seunit. Foto oleh KPDNHEP

**SUNGAI PETANI:** Seorang lelaki berusia 52 tahun ditahan pasukan daripada Kementerian Pengguna Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah di sebuah rumah, di Taman Kempas, Sungai Petani, Kedah selepas didapati menjual topeng muka tiga lapis kepada pelanggan melebihi harga siling RM2.50 seunit.

Lelaki berkenaan yang menjual topeng muka tersebut secara dalam talian ditahan ketika pihak berkuasa mengadakan serbuan ke rumahnya.

Hasil serbuan menjumpai 3,450 unit topeng muka dengan nilai rampasan berjumlah RM6,900.

Menurut Pengarah KPDNHEP Negeri Kedah Rae Morn Verak berkata sebulan ini adalah hasil maklumat orang awam.

"Suspek menggunakan laman sosial Facebook untuk mengiklankan topeng muka berkenaan sementara pesanan pula melalui aplikasi Whatsapp dan barang dihantar melalui pos," katanya.

Suspek akan didakwa di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011).

Kerajaan sebelum ini menetapkan harga siling topeng kepada RM2 seunit sebelum menyemak turun harga produk berkenaan kepada RM1.50 seunit.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-diberkas-kerana-jual-topeng-muka-melebihi-harga-kawalan-236365>

